

# Air diramal surut hari ini

## Jadual Air Pasang Surut (Pelabuhan Klang)

### 20 September

Masa	Ketinggian (cm)
00:05	352
09:46	136
15:46	343
21:55	133

### 21 September

Masa	Ketinggian (cm)
03:53	385
10:28	110
16:23	372
22:37	102

**SHAH ALAM** - Ketinggian air pasang surut di kawasan Pelabuhan Klang pada hari ini diramal surut.

Menurut portal Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) semalam, pada jam 12.05 pagi seperti direkodkan mencapai 352 sentimeter (cm) dan menurun mendadak kepada 136 cm pada jam 9.46 pagi.

Namun begitu, bacaan rekod menunjukkan air naik semula ke paras 343 cm pada sebelah petang sebelum turun semula pada jam 9.55 malam (133 cm).

Tetapi, menurut jadual ramalan air pasang surut untuk hari ini, air diramal naik sebanyak 385 cm pada sebelah pagi turun sebanyak 275 cm pada jam 10.28 pagi.

Ketinggian air dijangka naik pada 372 cm pada waktu petang dan menurun mendadak pada lewat malam ini berbanding semalam.

Fenomena air laut pasang besar yang berlaku semalam tidak setinggi seperti dicatatkan kelmarin di beberapa kawasan di Selangor iaitu di sekitar daerah Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.